



KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
05 Jamadilawal 1443 / 10 Disember 2021

- I. Pada hari ini, Jumaat 05 Jamadilawal 1443H bersamaan 10 Disember 2021M, sebanyak **25 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **Jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,308 orang.**
 - i. Terdapat **tambahan 8 kes baru** kepada 6 kluster aktif yang sedia ada pada hari ini yang merupakan kontak terdekat kepada beberapa kes positif sebelumnya.
 - ii. Sementara itu, **terdapat 2 kluster baru** telah dikenalpasti yang melibatkan **9 kes**. **Satu** daripada kluster baru ini ialah **Kluster Mashor General Contractor** yang mana ianya adalah kluster tempat kerja.
 - iii. Sebagaimana yang tertera di skrin sekarang, **4 kluster telah ditutup** setelah tidak ada kes dikesan di dalam kluster berkenaan selama 28 hari. Oleh yang demikian, jumlah kluster yang aktif adalah **102 kluster**.

(Skrin: Kluster Adinin Works & Engineering Jalan Sg Pandan staff house, Kluster 13878, Kluster Meem Sdn Bhd dan Kluster KYG Construction Sdn Bhd).

- iv. Manakala, terdapat **8 kes baru yang masih dalam siasatan bagi mengenalpasti sumber jangkitan.**
- 2. **38 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **14,923 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **285 kes.**
- 3. Di kalangan kes-kes yang sedang ada dalam rawatan sekarang, **satu (01) kes adalah dalam Kategori 5** yang sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif dan memerlukan bantuan mesin pernafasan (*artificial ventilation*) serta bantuan mesin tambahan *heart/lung machine* (*ECMO*). Sementara itu, **tidak ada kes yang dikategorikan dalam Kategori 4.**
- 4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **4,060 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **657,619 ujian.**
- 5. Pada **09 Disember 2021**, sebanyak **4,863 orang** telah menerima suntikan vaksin COVID-19 termasuk **4,522 orang** di kalangan

remaja berumur 12-17 tahun. Dengan itu, jumlah orang yang menerima satu dos vaksin COVID-19 ialah **404,806 orang** iaitu **94.1%** daripada jumlah penduduk negara. Manakala **372,040** orang telah melengkapkan dua dos vaksin COVID-19 iaitu **86.5%** daripada jumlah penduduk negara.

6. Sepertimana yang telah dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pandu COVID-19 pada sidang media yang lalu, pegawai dan kakitangan Kerajaan yang belum melengkapkan suntikan vaksin COVID-19 dan dibenarkan datang bertugas ke pejabat adalah dikehendaki untuk membuat ujian ART setiap dua hari. Bagi kakitangan Kerajaan yang memilih untuk tidak mendapatkan vaksinasi COVID-19, mereka hendaklah menanggung sendiri kos ujian ART tersebut. Ujian ART bersijil bolehlah diperolehi dari Pusat Pensijilan ART yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan yang mana tempoh sahlaku sijil tersebut ialah selama dua hari. Pusat Pensijilan ART yang diiktiraf akan mempamerkan pelekat Logo Art Certification Centres, seperti yang tertera di skrin sekarang, bagi memudahkan orang ramai mengenali pusat-pusat berkenaan. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap mana-mana pegawai dan kakitangan Kerajaan yang tidak bervaksinasi dan enggan melakukan ujian ART sebagaimana yang diarahkan.

7. Bagi Operasi Peralihan yang dijalankan dari jam 10 malam hingga 4 pagi tadi, **sebanyak 1 pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana ianya adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

8. Marilah kita sama-sama berdoa memohon pertolongan daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar kita semua dikurniakan kesihatan dan terselamat dari segala jenis penyakit khususnya jangkitan COVID-19. Mudah-mudahan segala usaha yang kitani laksanakan dalam mengawal penularan COVID-19 ini dipermudahkan dan dikurniakan kejayaan oleh Nya juga... Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

Sekian, terima kasih.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 05 Jamadilawal 1443H / 10 Disember 2021